

---

Title	Daya hidup Bahasa Melayu di Singapura: Satu penelusuran sejarah
Author	Roksana Bibi Abdullah
Source	<i>Yang terukir: Bahasa dan persuratan Melayu: Sempena 50 tahun kemerdekaan Singapura</i> (pp. 42-47)
Published by	Majlis Bahasa Melayu Singapura

---

Copyright © 2015 Majlis Bahasa Melayu Singapura

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Citation: Roksana Bibi Abdullah. (2015). Daya hidup Bahasa Melayu di Singapura: Satu penelusuran sejarah. In *Yang terukir: Bahasa dan persuratan Melayu: Sempena 50 tahun kemerdekaan Singapura* (pp. 42-47). Singapura: Majlis Bahasa Melayu Singapura.

This document was archived with permission from the copyright owner.

# Daya Hidup Bahasa Melayu di Singapura: Satu Penelusuran Sejarah



Dr Rokhana Bibi Abdullah

## Pengenalan

Bahasa Melayu (BM) yang menjadi lingua franca di sebahagian besar Asia Tenggara serta bahasa perdagangan di Asia dalam abad ke-7 hingga ke-16 telah berkembang pesat dan terus hidup sehingga mampu menjadi bahasa moden. Dengan sifat yang luwes, BM telah melalui proses perancangan yang mantap apabila terpilih sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Brunei dan Singapura. Namun begitu, perkembangan pesat yang dialami oleh masyarakat penuturnya di rantau ini menimbulkan pelbagai cabaran terhadap BM dalam memastikan keutuhan statusnya dan keteguhan perannya.

## Sejarah Awal Bahasa Melayu di Singapura

Jika kita tinjau aspek sejarah Singapura, kedudukan atau taraf BM telah mengalami perubahan yang radikal sejak Parti Tindakan Rakyat (*People's Action Party* atau PAP) mengambil alih tampuk pemerintahan dalam tahun 1959. Dasar bahasa di Singapura sejak pemerintahan PAP ini dikatakan sebagai dasar aneka bahasa,

atau dasar pluralisme bahasa. Terdapat empat bahasa rasmi di Singapura, iaitu bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil. Tiga daripadanya (Melayu, Tamil dan Cina) merupakan bahasa etnik penduduknya, sementara bahasa Inggeris adalah warisan penjajah yang digunakan sebagai bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan luas dan bahasa kerja. Dalam soal pemilihan bahasa kebangsaan pula, BM telah dipilih kerana PAP pada masa itu percaya bahawa BM seharusnya menikmati prioriti yang sepenuhnya jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain; iaitu sebagai bahasa kedua yang wajib dipelajari di sekolah-sekolah aliran Inggeris, Cina dan Tamil.

Dalam pilihan raya pada bulan Mei tahun 1959, PAP telah menjanjikan BM sebagai bahasa yang akan menjadi lingua franca di Singapura. Dalam kempen pilihanraya pada waktu itu, Encik Goh Keng Swee telah menjanjikan kedudukan yang penting untuk BM dalam palisi bahasa PAP.

*"... in future society, we hope to bring about the barriers between groups will have disappeared. People will no longer live in groups isolated from each other. There will be free communication through a common language - Malay."*  
(Goh 1959)

Niat untuk mengiktiraf BM sebagai bahasa kebangsaan bukanlah untuk sekadar memberi BM status nominal atau simbolik sahaja; sebaliknya pemerintah memikirkan BM sebagai bahasa talian komprehensif dan sebagai bahasa kerja. Peningkatan status BM ini sebenarnya adalah kerana pertimbangan politik luaran. PAP pada masa itu melihat harapan 'survival' Singapura secara politik dan ekonomi hanya di dalam rangkaian kerja yang lebih besar, iaitu melalui penyatuan dengan Malaya.

Tindakan pertama pemerintah bagi pendidikan Melayu ialah dengan membentuk *Malay Education Advisory Committee*. Antara perkara yang telah diusahakan oleh jawatankuasa ini adalah melawat Indonesia pada tahun 1960 dan mencadangkan:

1. Pemerintah harus menggalakkan perkembangan pendidikan

aliran Melayu seperti yang telah dibuktikan oleh Indonesia di mana BM dapat dijadikan bahasa pengantar di peringkat universiti.

2. Kelulusan Pendidikan darjah satu dalam bahasa kebangsaan (BM) harus menjadi syarat kelayakan bagi pendaftaran guru.

3. Kempen yang lebih rancak/bersungguh-sungguh bagi menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan.

4. Peningkatan penggunaan buku-buku teks yang diterbitkan di



**BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA KEBANGSAAN:** Lagu *Majulah Singapura* ciptaan Zubir Said telah dipilih sebagai Lagu Kebangsaan Singapura.

Indonesia sebagai bahan rujukan; penubuhan biro terjemahan bagi mengatasi masalah kekurangan buku teks.

5. Skim penukaran guru harus dimulakan dengan guru-guru bahasa Inggeris (BI) ke Indonesia.

6. Menyediakan kursus-kursus secara ekstensif bagi guru aliran Melayu yang ingin peringkatkan kemahiran.

7. Bina sekolah-sekolah vokasional aliran Melayu (Gopinathan 1974, 41).

## Kedudukan & Penggunaan Bahasa

Harapan untuk bergabung dengan Malaya bagi mencapai kemantapan politik dan ekonomi telah mendorong pemerintah melakukan pelbagai usaha bagi membina dan menyebarkan penggunaan BM di Singapura di kalangan semua kaum pada ketika itu. Banyak sekali inisiatif yang diusahakan bagi meningkatkan dan memartabatkan BM berdasarkan fungsi yang didukunginya, contohnya:

1. Pemberian subsidi yang besar kepada badan penyiaran, iaitu Jabatan Radio Singapura untuk melancarkan program pengajaran BM.
2. Usaha mewajibkan semua kakitangan kerajaan lulus dalam peperiksaan BM oleh pemerintah sebelum pengesahan dalam jawatan mereka. Guru-guru bukan Melayu juga diwajibkan lulus dalam peperiksaan BM di peringkat darjah satu, sementara kakitangan kerajaan yang lain wajib lulus di peringkat Darjah 2.
3. Pemberian bonus galakan kepada guru-guru yang lulus dalam peperiksaan BM, iaitu sebanyak \$200 bagi yang lulus dalam peperiksaan darjah 2 dan sebanyak \$500 bagi yang telah lulus peringkat darjah 3.
4. Usaha melancarkan minggu-minggu bahasa dalam tahun 1964 dan Bulan Bahasa Kebangsaan dalam tahun 1965. Bulan bahasa telah diadakan pada 25 November 1965 sehingga 11 Disember 1965.
5. Penciptaan lagu *Majulah Singapura* oleh Zubir Said telah dipilih sebagai lagu kebangsaan negara Singapura.
6. Semua perintah di padang kawad dalam Jabatan Pertahanan disampaikan dalam BM.
7. Semua pemohon yang memohon bagi mendapatkan perakuan taraf kerakyatan Singapura dimestikan



Jelas bahawa BM, dalam konteks penggunaannya, mengalami nasib yang sama seperti bahasa ibunda yang lain di Singapura yang kini sedang menghadapi satu cabaran yang besar sekali



**KEPERLUAN MENGGUNAKAN BAHASA INGGERIS:** *Sebagai sebuah negara industri yang bergantung kepada tenaga kerja sebagai sumber utama, Singapura perlu menggunakan bahasa Inggeris demi mencapai kemajuan ekonomi berterusan.*

mempunyai pengetahuan dalam bahasa kebangsaan.

8. Bahasa kebangsaan diajarkan di sekolah-sekolah bukan aliran Melayu sebagai bahasa kedua atau ketiga.

9. Pembentukan Majlis Tindakan Bahasa Kebangsaan (National Language Action Council). Badan ini berfungsi sebagai penggalak penggunaan BM, terutamanya di kalangan orang-orang bukan Melayu.

10. Bahasa kebangsaan telah diberi keutamaan dalam notis-notis awam dan arahan-arahan dalam perkhidmatan awam.

Penggeblengan tenaga yang bersungguh-sungguh dari semua

pihak ini, khususnya pemerintah dan penduduk Singapura sendiri, telah meningkatkan prestij bahasa Melayu itu sendiri. Pemimpinnya yang telah menaruh harapan untuk bergabung dengan Malaya telah berjaya mencapai matlamat tersebut pada 16 September 1963, apabila Singapura bergabung dan menjadi sebahagian daripada Malaysia.

Namun begitu, cabaran yang dihadapi oleh pemerintah dari segi politik dan juga sistem pendidikan bagi menyeimbangkan layanan terhadap keempat-empat aliran sekolah pada waktu itu semakin meruncing. Transformasi ekonomi dan transformasi sosial telah melebarkan lagi jurang di antara nilai utilitarian BI dengan bahasa-bahasa ibunda yang lain. Harapan agar BM dapat menjadi titik yang menghubungkan masyarakat pelbagai kelas, kaum dan

generasi sebagai lingua franca semakin lenyap (Gopinathan 1974, 49). Maka itu, pada 9 Ogos 1965, setelah perbalahan politik yang berterusan tidak dapat dikawal, Singapura telah dikeluarkan dari persekutuan dan menjadi sebuah republik yang terasing dari Malaysia. Pada 9 Ogos, sewaktu sidang akhbar diadakan, Encik Lee Kuan Yew menekankan sekali lagi: "...we are going to have a multi-racial nation ini Singapore.... we unite regardless of race, language, religion or culture."

Pada 11 Ogos 1965 pula, Encik Lee berkata: "...There would be equality of races but Malay would remain the national language and existing Malay privileges would continue... The Government's multi-racial policy would be written into the Singapore Constitution with safeguards for minorities and steps to raise the economic and educational standards of the Malays." (Gopinathan 1974, 43).

## Penurunan Taraf Bahasa Melayu di Singapura

Walaupun janji bagi mempertahankan BM dilaukan, namun desakan ekonomi di negara yang tidak memiliki sumber semulajadi semakin menyerlah. Menjelang tahun 1966, iaitu setelah berlakunya pelbagai perubahan politik di antara Malaysia dan Singapura, suatu perkara yang jelas sekali di kalangan penduduk Singapura ialah bahawa BM tidak lagi mempunyai masa depan yang cerah.

Keupayaan yang tinggi dalam BM sudah tidak lagi mampu menjamin masa depan masyarakatnya. Peranan bahasa kebangsaan adalah diibaratkan sebagai *more ceremonial than functional*, sebaliknya, BI muncul sebagai bahasa rasmi yang terpenting di Singapura (Afendras 1980).

Kedudukan BM mendapat kesan yang besar sekali selepas peristiwa pemisahan ini, dan pelbagai perubahan berlaku dalam segenap sudut kehidupan rakyatnya. Di antara perubahan-perubahan yang berlaku termasuklah:

1. Semua pelajaran BM mula lenyap dari media.
2. Bonus yang diberikan kepada mereka yang cekap berbahasa Melayu dalam awal tahun 1960-an dahulu telah dihapuskan.
3. Pengetahuan dalam BM tidak lagi menjadi syarat yang mesti dipenuhi bagi pengesahan dalam jawatan di jabatan pemerintah.

4. Pengajaran BI dan bahasa Mandarin lebih mendapat tempat dalam akhbar-akhbar dan media penyiaran juga mula menyiarkan rancangan-rancangan pelajaran BI.

5. Notis-notis awam dan arahan-arahan di jalan raya dan di tempat-tempat awam lebih banyak yang menggunakan BI.

6. Seperti yang diketahui, dasar bahasa di Republik Singapura mempunyai pertalian yang erat dengan dasar pendidikan bahasa, dan kedua-duanya ini berkait rapat pula dengan perkembangan politik negara. Peningkatan tahap kepentingan BI dalam dasar pelajaran di Singapura telah menyebabkan kemerosotan bilangan kemasukan anak-anak Melayu di sekolah-sekolah aliran Melayu. Siasatan intisari akhbar dalam tahun 1970-an juga membuktikan bahawa 82% orang-orang Melayu pada waktu itu jika diberikan peluang akan memilih untuk menghantar anak mereka ke sekolah aliran Inggeris (Gopinathan 1974, 45).

## Kedudukan BM di Singapura

Dengan perkembangan dan pelbagai perubahan yang berlaku, jelas kesan yang begitu besar berlaku terhadap BM. Semangat mengembangkan BM yang berkobar-kobar di pihak pemerintah serta penduduknya yang berbilang bangsa itu menjadi kendur dan layu selepas kemerdekaan dan perpisahan dari Malaysia. Hakikat 'survival' dari sudut ekonomi ini bukan sahaja disadari oleh pemerintah dan penduduknya dari ras yang lain, malah oleh kalangan masyarakat Melayu sendiri. Dengan itu, semangat berkobar-kobar untuk mempelajarinya dan mengembangkannya juga semakin menghilang. Masyarakat Melayu sendiri bertumbulna mempelajari bahasa Inggeris agar kekal relevan dan dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum-kaum asing khususnya dalam persaingan mendapatkan pekerjaan.

Sebagai sebuah negara industri yang maju, tenaga manusia merupakan sumber utama menjadi nadi ekonomi di Singapura. Dalam mencapai kemajuan ekonomi, dan pada waktu yang sama memelihara keperluan keluarga, BI menjadi perlu yang tidak dapat dinafikan dalam konteks Singapura. Maka itu, kedudukan BM jatuh ke tangga yang lebih rendah berbanding dengan BI dan Mandarin sebagai bahasa paling penting dalam peningkatan status kehidupan di sini. Bukti bagi kedudukan BM yang semakin mengecil atau menurun ini dapat dilihat dari pelbagai sudut, khususnya kelenyapan status BM sebagai lingua franca di Singapura.

Domain BM dalam penggunaannya yang sebenar kini menjadi semakin kecil. Kalau dahulu BM menjadi lingua franca dan digunakan dalam pelbagai domain seperti domain jual beli, domain rumah, domain pendidikan, domain agama dan sebagainya, kini domain itu telah mengecil.

Bilangan keluarga Melayu yang menuturkan BI di rumah juga semakin meningkat kini. Menurut Encik Ng Eng Hen: "...increasingly, children of all races now come from homes that speak English predominantly" (Ng 2009). Dengan perubahan yang juga telah melibatkan pelajar Melayu ini, domain penggunaan BM di kalangan masyarakat Melayu juga semakin kecil; lebih-lebih lagi bagi sebilangan pelajar Melayu yang hanya mempelajari BM di sekolah, iaitu variasi BM baku sahaja. Situasi ini memungkinkan kelenyapan variasi BM sebagai bahasa kolokial atau bahasa bawahan.

Di samping itu, masyarakat asing di Singapura, khususnya dari kelompok generasi ketiga dan keempat, kebanyakannya tidak lagi mampu menggunakan BM, dan ini sekaligus melenyapkan status BM sebagai lingua franca di Singapura. Maka itu, kekerapan perbualan kelompok masyarakat Melayu yang lebih muda dengan rakan sebaya yang terdiri dari pelbagai ras adalah BI. Jumlah rangkaian sosial yang berbahasa Inggeris di kalangan keluarga dan kenalan atau rakan serta orang-orang yang tidak dikenali begitu besar sekali berbanding dengan rangkaian sosial mereka yang menggunakan bahasa etnik dan BM (Roksana 2003).

Satu lagi domain, iaitu agama yang dahulunya merupakan satu-satunya domain yang dikuasai oleh BM bagi masyarakat Melayu, kini telah mengalami perubahan yang drastik. Kebanyakan kelompok masyarakat Melayu yang muda seperti kelompok generasi ketiga dan keempat, lebih selesa mempelajari agama dalam BI sebagai bahasa perantaraan. Kelas-kelas atau program-program agama dalam BI seperti Kids alive dan Teens alive difokuskan untuk remaja dan kanak-kanak dan telah mendapat sambutan yang baik sekali di kalangan masyarakat tempatan. Peningkatan jum-

lah imigran di Singapura dari pelbagai pelosok dunia juga telah menyebabkan khutbah Jumaat tidak lagi disampaikan dalam BM sahaja di beberapa masjid tempatan. Untuk itu, BM tidak lagi menduduki tempat istimewa sebagai satu-satunya bahasa dalam domain keagamaan, tetapi kini telah disaingi oleh bahasa-bahasa lain, khususnya BI.

## Rumusan

Pemudaran status BM yang berlaku secara bertahap-tahap mengikut fasa-fasa perkembangan pendidikan dan keperluan tenaga kerja yang mahir dalam BI menunjukkan keinginan masyarakat Melayu sendiri yang semakin giat berusaha untuk kekal berdaya saing dalam konteks Singapura. Menyedari hakikat kedudukan BM kini dan peri pentingnya melestarikan bahasa ibunda dan nilai serta budaya bangsa, pelbagai usaha telah dijalankan oleh badan-badan Melayu di Singapura. Bagi BM khususnya, kesedaran akan wujudnya cabaran yang semakin besar terhadap masa depan BM telah merangsang pelbagai pihak untuk berusaha bagi memastikan BM akan terus kekal di Singapura.

Jelas bahawa BM, dalam konteks penggunaannya, mengalami nasib yang sama seperti bahasa-bahasa ibunda yang lain di Singapura yang kini sedang menghadapi satu cabaran yang besar sekali. Arus gelombang yang melanda masyarakat Melayu di Singapura dalam era globalisasi ini sukar sekali diredakan.

## Rujukan

- Afandras, E. A. 1980. *Language and Society in Singapore*. Singapore: Singapore University Press.
- Goh K. S. 1959, June 4. "We begin a new chapter - a people's government." *The Straits Times*, 3.
- Gopinathan, S. 1974. *Towards a National System of Education in Singapore 1945-1973*. Singapore: Oxford University Press.
- Ng, E. H. 2009. Key Note Address at MOE Work Plan Seminar 2009. Retrieved 29 June 2015, from <http://moe.gov.sg/media/speeches/2009>
- Raksana Bibi Abdullah 2003. *Bahasa Melayu di Singapura*. Singapore: Deezeed Consult.